

SOALAN NO. 20**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN M. KULASEGARAN
[IPOH BARAT]**

TARIKH : 6 MAC 2018

SOALAN :

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

(a) adakah Kerajaan mempunyai sebarang garis masa untuk tampil dengan rang undang-undang reformasi perkahwinan yang menjadikan penukaran agama kanak-kanak bawah umur tanpa persetujuan kedua-dua ibu bapa sebagai tidak sah; dan

(b) adakah prinsip-prinsip yang telah dinyatakan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes Indira Gandhi vs Pendaftar Jabatan Islam Perak (2018), akan digubal sebagai undang-undang. Jika tidak, mengapa.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sebelum ini yang telah menggugurkan fasal 88A di dalam Rang Undang-Undang Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Penceraian) (Pindaan) 2017, kerana tidak mahu berlaku percanggahan dalam mana-mana peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan supaya selaras dengan prinsip *doktrin stare decisis* dimana keputusan Mahkamah tertinggi terhadap pentafsiran Fasal (4) Perkara 12 adalah terikat.

Walau bagaimanapun, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, dalam kes *Indira Gandhi A/P Mutho v. Pengarah Jabatan Agama Islam Perak & Ors. And Other Appeals* [2018] 1 MLJ 545, Mahkamah Persekutuan telah mentafsirkan perkataan "*parent*" dalam Fasal (4) Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan sebagai bermaksud jamak (*plural*) iaitu kedua-dua ibu dan bapa. Tafsiran ini terpakai jika kedua-dua ibu dan bapa masih hidup. Keputusan tersebut mengatasi semua keputusan-keputusan terdahulu dan keputusan terbaharu ini adalah terikat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, apa-apa cadangan untuk menggubal Rang Undang-Undang seperti mana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat adalah merupakan perkara dasar yang akan dipertimbangkan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.